

# KAJIAN TENTANG ILMUAN ISLAM NUSANTARA: SHEIKH MUHAMMAD IDRIS AL – MARBAWI

Siti Aisyah Mohd Isam<sup>1</sup>  
Nur Adilah Ahmad Ahyad<sup>2</sup>  
Adriana Farzana Zawahir<sup>3</sup>  
Maisarah Saidin<sup>4</sup>

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, University Sains Islam Malaysia (USIM), MALAYSIA, (E-mail: [aisyahisam@raudah.usim.edu.my](mailto:aisyahisam@raudah.usim.edu.my))

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, University Sains Islam Malaysia (USIM), (E-mail: [maisarahs@usim.edu.my](mailto:maisarahs@usim.edu.my))

**Abstrak:** Terdapat ramai ulama di Nusantara yang terkenal dengan kewibawaan dan ketokohan dalam bidang ilmu masing-masing. Tanah Melayu juga menjadi salah satu lokasi lahirnya ribuan tokoh Islam yang terkenal. Contohnya di Perak, banyak intelektual Islam yang berasal dari negeri ini masyhur dalam pelbagai bidang pengajian Islam dan banyak menabur jasa kepada penduduk setempat. Antaranya ialah Sheikh Mohd Idris al-Marbawi merupakan tokoh persuratan Arab-Melayu yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia dan Nusantara. Walaupun begitu, seiring dengan perkembangan zaman, ketokohan beliau makin dilupakan, malahan generasi muda kini kurang mengetahui sumbangan tokoh ini pada masyarakat Islam Malaysia khususnya. Justeru, amat penting bagi generasi kini mengenali tentang Sheikh Mohd Idris al-Marbawi yang mana merupakan ilmuan yang telah bertungkus-lumus mengerah kudrat dan memberi sumbangan dalam pelbagai aspek. Usaha dalam memperkenalkan ilmuan yang bernama Sheikh Mohd Idris al-Marbawi kepada khalayak ramai merupakan fokus utama dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan kepada segala sumbangan yang telah Sheikh Mohd Idris al-Marbawi lakukan. Kajian ini akan menganalisa latar belakang hidup dan pendidikan serta sumbangan Sheikh Al-Marbawi dalam ilmu agama. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini bersandarkan penyelidikan perpustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa Sheikh Mohd Idris al-Marbawi merupakan tokoh ilmuan yang banyak berjasa khususnya dalam bidang Tafsir dan Hadis.

**Kata Kunci:** Ilmuan Nusantara, Idris Al – Marbawi, Biografi.

## **Pengenalan**

Salah satu negeri di Malaysia yang telah banyak melahirkan ramai intelektual Islam yang masyhur dalam pelbagai bidang pengajian Islam dan banyak menabur bakti kepada penduduk iaitu negeri Perak. Antara ilmuan Islam ini ialah Sheikh Mohd Idris al-Marbawi atau lebih dikenali dengan nama al-Marbawi. Beliau merupakan seorang tokoh persuratan Arab-Melayu yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia serta Nusantara. Kamus al-Marbawi yang telah dihasilkan pada tahun 1927 ini telah memasyhurkan beliau sehingga ke hari ini. Beliau juga telah memanfaatkan usianya dengan menghasilkan pelbagai karya yang merangkumi dari pelbagai bidang seperti hadis, tafsir, fiqh dan tasawwuf. Sebagai contoh, Tafsir Quran Marbawi dan Tafsir Surah Yasin. Karya-karya ini seharusnya dihargai dan ditelusuri intipatinya walaupun bahasanya agak sukar untuk difahami. Selain itu, terdapat sumbangan oleh Idris al-Marbawi dalam bidang fiqh hadis melalui kitab nya Bahr al-Madhi. Kesungguhan dan pengorbanan Syaikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam meningkatkan kephahaman umat Islam terhadap hadis-hadis Nabi dibuktikan dengan tiga buah kitab hadis dalam tulisan jawi iaitu Bahr al-Madhi, Bulugh al-Marâm dan Kitab Idangan Guru Shahîh Bukhârî dan Muslim.

Ketokohan al-Marbawi dalam menyebarkan dan memperkembangkan Islam cukup diketahui umum sehinggalah beliau dianugerahkan sebagai tokoh Ma'al Hijrah pada tahun 1987. Hasil didikan sejak dari kecil, kesemua adik beradik al-Marbawi telah berjaya menyumbang bakti kepada masyarakat dalam pelbagai bidang seperti guru, syeikh haji dan penceramah kuliah-kuliah agama di Masjid Daerah Kuala Kangsar. Dalam pada itu, Sheikh Idris al-Marbawi telah melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir. Selain itu, al-Marbawi turut bergerak aktif dalam persatuan yang telah ditubuhkan pada tahun 1923 iaitu al-Jam'iyah al-Khayriyyah al-Talabiyyah al-Azhariyyah dan merupakan salah seorang sidang redaksi majalah Seruan al-Azhar yang cukup terkenal pada ketika itu. Dalam penulisan, beliau menggunakan nama Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi al-Azhari. Gelaran al-azhari digunakan bersempena pengajian beliau di Universiti Al-Azhar. Pada tanggal 13 Oktober 1989 bersamaan 13 Rabiul Awal 1409H, al-Marbawi telah menghembuskan nafas terakhir di Hospital Besar Ipoh pada jam 8.40 pagi.

## **Metodolog**

Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan perpustakaan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan literasi. Pencarian artikel dibuat menggunakan pangkalan data Google Scholar, Mendeley dan usim opac. Proses pencarian dokumen kajian menggunakan kata kunci ilmuan nusantara, Idris al-Marbawi, Ulama Nusantara, Biografi. Kajian yang ditetapkan berfokus pada segala perkara berkaitan dengan al-marbawi seperti latar belakang, hasil sumbangan, pendidikan dan sebagainya.

## **Latar Belakang Tokoh**

Nama lengkap al-Marbawi ialah Mohamed Idris bin Abdul Raof bin Ja'far bin Idris. Namun secara panggilannya, beliau lebih dikenali dengan nama Syeikh al-Marbawi sebagaimana nama syarikat penerbitan beliau di Mesir iaitu al-Matba 'ah al-Marbawiyyah. Al-Marbawi merupakan gelaran yang disandarkan kepada kampung asal keluarganya iaitu di Lubuk Merbau yang terletak kira-kira 10 km dari bandar Kuala Kangsar, Perak. Para pengkaji bersepakat bahawa beliau dilahirkan pada bulan Zulkaedah 1313H. Namun para pengkaji berselisih pandangan tentang tarikh masihi. Walau bagaimanapun, pandangan yang kuat ialah beliau dilahirkan pada 12 Mei 1896M sejajar dengan tarikh

yang tertulis pada Kamus al-Marbawi dan perkiraan berdasarkan ilmu falak. Mengenai tempat kelahiran pula, para pengkaji bersepakat bahawa beliau dilahirkan di Kampung Masfalah, Makkah.<sup>46</sup>

Idris al-Marbawi adalah seorang tokoh ilmunan yang rendah hati dan sangat mementingkan hubungan kekeluargaan. Orang yang mengenal beliau sangat menyenangi dan menghormatinya. Kepribadiannya baik dan memiliki ketajaman fikiran yang tetap terjaga sampai berusia 90 tahun. Beliau meninggal dunia ketika berusia 93 tahun, yaitu pada hari Jumat 13 Oktober 1989, jam 8.30 pagi di Rumah Sakit Besar Ipoh, Perak. Jenazahnya dimakamkan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Lubok Merbau, Kuala Kangsar, Perak, bersebelahan dengan makam istrinya, Khadijah binti Mohamad Idham yang telah meninggal dunia 14 bulan sebelum itu. Beliau meninggalkan seorang anak perempuan, tiga orang cucu dan tujuh orang cicit yang tinggal di Malaysia. Di samping itu ia juga meninggalkan istri kedua, Hajjah Munirah binti Abdul Wahab yang menetap di Mesir.<sup>47</sup>

## **Pendidikan**

Perkembangan pengajian ilmu al-Marbawi melibatkan tiga buah negara iaitu Makkah, Tanah Melayu dan Mesir. Di ketiga-tiga negara ini, beliau telah melalui satu perjalanan yang panjang dan menuntut pelbagai ilmu syariat sehingga menjadi rujukan kepada masyarakat. Daripada ketiga-tiga negara ini, pengkaji membentangkan ilmu-ilmu yang telah dipelajari oleh al-Marbawi sebagaimana berikut:

### **Pengajian di Makkah**

Makkah merupakan negara pertama yang menjadi tempat al-Marbawi menimba ilmu. Ini kerana Makkah merupakan tempat kelahiran beliau. Seawal usia empat tahun, beliau mampu membaca dan mula menghafaz al-Quran. Apabila usia beliau menginjak enam tahun, beliau dihantar ke sekolah Masfalah di Kota Makkah yang terletak berhampiran dengan rumahnya. Di sana, beliau berjaya menghafaz 16 juzuk al-Quran ketika berumur 10 tahun. Selain menghafaz al-Quran, beliau turut menghafaz kitab-kitab ilmu syariah seperti kitab al-Dam, Matan al-Ajrummyah dan lain-lain. Pada ketika itu juga, beliau turut mempelajari ilmu-ilmu asas berkaitan syariah dan bahasa Arab. Beliau kesempatan menuntut ilmu di sana selama empat tahun dan menamatkan pengajiannya pada umur 10 tahun. Berdasarkan perkembangan ini, al-Marbawi telah didedahkan dengan asas ilmu syariat dan bahasa Arab sejak dari kecil lagi. Pendedahan ini menjadi asas penting untuk perkembangan pendidikan beliau bagi peringkat seterusnya. Tambahan pula, pendedahan bahasa Arab ini menjadi pemudah cara untuk beliau mendalami ilmu-ilmu syariah dengan lebih mendalam.<sup>48</sup>

### **Pengajian di Tanah Melayu**

Di Tanah Melayu, al-Marbawi dan keluarganya menetap di Lubuk Merbau yang terletak di daerah Kuala Kangsar, Perak. Di Lubuk Merbau beliau telah dihantar belajar di Sekolah Melayu Lubuk Merbau bermula dari usianya 11 tahun sehingga beliau lulus darjah lima pada usianya 15 tahun. Minat dan kecenderungan beliau dalam bidang pengajian Islam telah mendorong beliau untuk menyambung pengajiannya di pondok Syeikh Wan Muhammad yang terletak di Bukit Candan Kuala Kangsar, Perak. Syeikh Wan Muhammad merupakan mufti Perak pada waktu itu. Setelah tiga tahun menimba ilmu pengajian Islam di pondok Syeikh Wan Muhammad, beliau kemudiannya berpindah ke pondok Tuan Hussein Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi di Kedah. Pengajian sistem pondok yang begitu intensif dan bersifat menyeluruh telah mendorong beliau untuk terus menjelajahi lautan ilmu dengan

---

<sup>46</sup> Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin (2021), *Ketokohan al-marbawi: Analisis perkembangan pengajian ilmu hadis*, h: 172

<sup>47</sup> Hadian Rizani (2014), *Kamus Idris al-marbawi dalam tinjauan leksikologi (analisis metode dan isi)*, h: 4.

<sup>48</sup> Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin (2021), *Ketokohan al-marbawi: Analisis perkembangan pengajian ilmu hadis*, h: 5-6

meneruskan pengembaraan ilmunya ke pondok Syeikh Ahmad Fatani di Padang Lalang Bukit Mertajam. Pengajian beliau di sana telah berlansung selama empat tahun lamanya. Tidak cukup dengan ilmu yang dipelajari di tiga buah pondok sebelum itu, beliau kemudiannya menyambung pengajiannya di Pondok Tok Kenali, Kelantan.<sup>49</sup>

### **Pengajian di Mesir**

Pengajian beliau di Mesir bermula pada tahun 1924M. Kesungguhan dan iltizam beliau dalam menuntut ilmu di Universiti al-Azhar telah membuahkan hasil apabila beliau antara pelajar terawal yang berjaya mendapat Syahadah ‘Aliyyah daripada universiti tersohor dalam bidang pengajian Islam itu.<sup>50</sup>

Ketika berada di sana, beliau mengikuti dua sistem pengajian secara serentak iaitu pengajian formal di Universiti al-Azhar dan pengajian tidak formal di kelas-kelas pengajian talaqqi yang diadakan di masjid-masjid sekitar al-Azhar. Pengajian secara formal di Universiti al-Azhar mengaplikasikan kurikulum universiti yang dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ‘Ilm al-Maqasid dan ‘Ilm al-Wasa’il. ‘Ilm al-Maqasid meliputi akidah, tafsir, hadis dan fikah, manakala ‘Ilmu al-Wasa’il meliputi nahw, sarf, balaghah, ‘Ulum al-Qur’an, Mustalah al-Hadith, Usul al-Fiqh, Qawa ‘id al-Fiqh, mantiq, al-ma ‘qulat, Adab al-Bahth wa al-Munazarah, ‘Arud wa Qawafi, tasawwuf, Matn al-Lughah, al-Adab wa al-Tarassul, Fiqh al-Lughah, faraid, al-Sirah al-Nabawiyyah, ‘Ilm al-Hay’ah, al-tarikh, hisab dan ‘Ilm al-Miqat. Kesemua disiplin ilmu ini perlu dikuasai dan diuji melalui peperiksaan untuk memperolehi Shahadah ‘Alamiyyah. Oleh yang demikian, ketika al-Marbawi mengikuti sistem pengajian formal di Universiti al-Azhar, beliau turut mendalami hadis dan ‘Ulum al-Hadith.

Manakala pengajian tidak formal di kelas-kelas pengajian talaqqi pula bermaksud pengajian antara guru dan murid berasaskan kitab turath secara bersanad. Secara lebih spesifik, guru duduk di hadapan dan dikelilingi para murid untuk membahaskan ilmu dengan teliti dan beradab. Kelas ini dipimpin oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada para ulama al-Azhar. Daripada sudut sistem pengajiannya pula, kebanyakan kelas talaqqi disusun secara bertahap iaitu tahap permulaan (mubtadi), tahap pertengahan (mutawassit) dan tahap tinggi (muntahi). Oleh yang demikian, pelajar sendiri akan memilih kelas yang mereka minati selain digalakkan untuk memilih pengajian yang sesuai dengan tahap masing-masing.<sup>51</sup>

### **Guru – Guru Al-Marbawi**

Antara guru gurunya di Mesir yang sering beliau nyatakan dalam banyak karyanya ialah seperti berikut:

- 1- Syeikh Muhammad Ibrahim al-Samaluti
- 2- Syeikh Mahmud Ghunaym
- 3- Syeikh Muhammad Bahith
- 4- Syeikh Abu al-A ‘la al-Falaki
- 5- Al- ‘Allamah al-Makki al-Syeikh Muhammad ‘Ali al-Maliki
- 6- Al-Ustaz ‘Abdul Wasif bin Muhammad<sup>52</sup>

---

<sup>49</sup> Faisal bin Ahmad Shah (2009), Faktor kejayaan dan kecemerlangan orang melayu menurut Mohamed Idris al-marbawi: *malay success and excellence factors as perceived*, h:3-4.

<sup>50</sup> Dr Faisal bin Ahmad Shah (n.d.), Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Penentuan Identiti Perawi: Tumpuan Kepada Kitab Bahr al-Madhi, h: 4.

<sup>51</sup> Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin (2021), *Ketokohan al-marbawi: Analisis perkembangan pengajian ilmu hadis*, h: 176-177.

<sup>52</sup> Dr Faisal bin Ahmad Shah (n.d.), Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Penentuan Identiti Perawi: Tumpuan Kepada Kitab Bahr al-Madhi, h: 4.

Manakala guru-guru beliau semasa menuntut di institusi pondok yang terdapat di Tanah Melayu pula ialah:

1. Tuan Haji Mahmud, Imam besar Kelantan.
2. Syeikh Wan Muhammad bin Wan Husain di Bukit Chandan.
3. Tuan Husain Mohd Nasir al-Mas`udi al-Banjari di Kedah.
4. Tok Kenali.
5. Haji Yaakub Legor di Masjid Muhammadi, Kota Bahru, Kelantan.
6. Haji Muhammad Ali Salahuddin bin Awang di Pulau Pinang.<sup>53</sup>

### **Murid-Murid Al-Marbawi**

Oleh kerana sebahagian hayatnya beliau berada di Mesir, amat sukar untuk mengenalpasti bilangan anak-anak muridnya. Maklumat anak-anak murid al-Marbawi diketahui melalui kelas pengajian fardhu ain yang diadakan beliau sekembalinya beliau dari Pondok Tok Kenali, Kelantan. Beliau mengadakan kuliah ilmi tersebut tiga kali seminggu iaitu selepas menunaikan fardhu Maghrib di Kampung Parit. Antara anak - anak murid beliau ialah :

1. Haji Ibrahim bin Ariffin
2. Kulub bin Abdul Wahab
3. Haji Ishak bin Musa
4. Ilyas bin Arsyad
5. Abdul Mutalib bin Husain
6. Pandak Muhammad bin Haji Husain
7. Haji Abbas bin Abdul Rauf
8. Ishak bin Muhammad Arif

Kesemua anak murid al-Marbawi adalah dari beberapa buah kampong berhampiran seperti Kampung Laneh, Kampung Labu Kubang dan Kampung Paya.

### **Perkahwinan**

Sebelum al-Marbawi melanjutkan pelajarannya ke Mesir, beliau telah berkahwin dengan Che Khadijah binti Muhammad Edham dari Kota Lama dan sekarang dikenali sebagai Kuala Kangsar, Perak. Beliau melangsungkan perkahwinan pertamanya setelah menamatkan pengajiannya di Pondok Tok Kenali, Kelantan pada tahun 1923. Hasil perkongsian hidup beliau dan isterinya, beliau dikurniakan 10 orang anak. Namun begitu, kesemua anaknya meninggal dunia sewaktu masih kecil kecuali seorang anak perempuan iaitu Mariam binti Mohamed Idris. Beliau turut membawa isterinya ke Mesir sepanjang pengajian al-Marbawi di sana . Pada tahun 1960 pula, beliau telah berkahwin kali kedua dengan gadis Mesir iaitu adik kepada sahabatnya setelah Khadijah kembali ke tanah air beberapa tahun sebelumnya. Namun, perkahwinan keduanya tidak lama apabila isteri keduanya meninggal pada tahun 1967. Setelah lima tahun menjalani kehidupan tanpa kehadiran seorang isteri di sisi sebagai peniup semangat, beliau berkahwin pula dengan seorang balu beranak dua iaitu Munirah Abd Wahab. Perkahwinan ketiga al-Marbawi kekal hingga ke akhir hayat al-Marbawi.

### **Kerjaya**

---

<sup>53</sup> Munirah Abd Razzak, Nik Mohd Zaim Abd Rahim & Khadher bin Ahmad (n.d.), Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi dalam memartabatkan al-quran dan al-sunnah: tumpuan kitab tafsir surah yasin, h:6

Kerjaya al-Marbawi bermula setelah pulang dari menamatkan pengajian di Pondok Tok Kenali, Kelantan. Beliau telah menerima tawaran sebagai guru agama bertauliah dari Kerajaan Negeri Perak. Setahun selepas itu, beliau berhenti kerana melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar, Mesir demi memenuhi impian bapanya pada ketika itu.

Setelah beliau menamatkan pelajarannya sehingga mendapat Ijazah ‘Aliyah, beliau menetap di Mesir bersama isterinya dan menjalankan perniagaan sendiri melalui penubuhan sebuah percetakan yang dinamakan al-Matba’ah al-Marbawiyyah pada tahun 1927. Penubuhan percetakan tersebut bertujuan mencetak dan membekal kitab-kitab Arab dan Jawi khususnya kepada pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Mesir serta untuk manfaat anak bangsanya di Tanah Melayu. Keazaman beliau membuka percetakan tersebut bermula atas kesedaran beliau terhadap kepentingan pendidikan anak bangsanya di Tanah Melayu mula tumbuh dalam dirinya. Bagi melicinkan operasi percetakan tersebut, beliau sanggup mengupah orang Arab Mesir untuk membantu beliau. Kegigihan beliau untuk membuka percetakan tersebut terserlah apabila beliau bersusah payah membawa alat cetak bersama ke Mekah tetapi disekat oleh kerajaan Mesir pada ketika itu dan tidak membenarkan ia dibawa masuk.

Selain daripada mencetak buku Arab dan Jawi, minat yang mendalam terhadap penulisan mendorong beliau untuk menulis dan menterjemah buku Arab serta mentashihkan kitab-kitab jawi sebelum diterbitkan oleh syarikat percetakan lain seperti Syarikat Percetakan Mustafa al-Babi al-Halabi.

## **Sumbangan Dalam Bentuk Karya**

### **Bahasa**

#### *Kamus al-Marbawi*

Karya pertama yang dicipta, Kamus al-Marbawi, mula terkenal sekitar tahun 1925. Tuannya dari Mesir, Syekh Abu al-Ala Falaki, bertegas untuk menulis kamus, maka itulah yang dilakukannya. Pada mulanya, beliau mencetak sendiri kamus ini melalui Kaherah, firma penerbitan al-Matba al-Marbawiyyah Mesir. Penulisan kamus ini dimulakan dengan pengenalan yang merangkumi kaedah dan panduan penggunaan, diikuti dengan penerangan tentang simbol yang digunakan, dan diakhiri dengan kajian undang-undang bergambar. Kamus ini terbahagi kepada dua bahagian dan disusun mengikut susunan abjad hijaiyyah “alif” ( ا ) hingga huruf “ain” ( ع ) manakala bahagian kedua pula bermula dengan huruf “ghain” ( غ ) hingga “ya” ( ي )<sup>54</sup>

#### *Mu’jam al-Kainah*

Buku ini mempunyai 320 bab dan 308 ilustrasi untuk memudahkan pembaca memahami. Ia ditulis dalam bahasa Arab dan diterbitkan dalam 4 jilid. Penggunaan tumbuhan sebagai ubat, punca penyakit, penawar penyakit tertentu, dan teknik pencegahan semuanya dibincangkan dalam karya ini. Al-Matbaah al-Marbawiyyah menerbitkan buku ini pada tahun 1957.<sup>55</sup>

#### *Kitab Perbendaharaan Ilmu*

Kitab ini ini adalah kompilasi jurnal bulanan, setiap satunya mempunyai 32 muka surat. Kamus Segala Pengetahuan, yang mempunyai jumlah tiga jilid, adalah nama lain untuknya. Buku ini disusun mengikut huruf-huruf hijaiyyah seperti yang tertera di muka hadapan buku dan memfokuskan kepada pelbagai topik agama dan sekular. Buku ini juga diterbitkan oleh al-Matba al-Marbawiyyah.<sup>56</sup>

---

<sup>54</sup> NA Aziz(2010), *Biografi Sheikh Muhamad Idris Al – Marbawi*: Bab 2, h: 16-35.

<sup>55</sup> NA Aziz(2010), *Biografi Sheikh Muhamad Idris Al – Marbawi*: Bab 2, h: 16-35.

<sup>56</sup> NA Aziz(2010), *Biografi Sheikh Muhamad Idris Al – Marbawi*: Bab 2, h: 16-35.

## Tafsir

### *Tafsir Quran al-Marbawi Juzuk Alif Lam Mim.*

Kitab ini selesai ditulis pada 22 Rabiul Awal 1357H bersamaan 23 Mei 1938 M dan dicetak oleh al-Matba'ah al-Marbawiyah. Kitab ini mengandungi tafsiran surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah dan ditulis dalam tiga juzuk mengikut susunan juzuk di dalam al-Quran. Juzuk pertama adalah tafsiran lengkap surah al-Fatihah diikuti dengan surah al-Baqarah sehingga ayat 141 sahaja. Juzuk kedua pula diistilahkan sebagai Juzuk Sayaqul sempena kalimah pertama dalam ayat 142 sebagai permulaan tafsiran iaitu 'sayaqulu al-sufaha' dan mengandungi tafsiran ayat 142 surah al-Baqarah hingga ayat 252 manakala juzuk ketiga pula mengandungi tafsiran ayat 253 hingga ayat akhir surah al-Baqarah iaitu ayat 286. Bagi juzuk ini pula al-Marbawi menamakan ia sebagai Juzuk 'Tilka al-Rusul'.<sup>57</sup>

### *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin*

Tafsir al-Qur'an Marbawi Surah Yasin hanya terdiri daripada tafsiran surah Yasin, yang merupakan himpunan 574 isu berkaitan dengan peraturan al-Quran. Al-Marbawi mula menulis tafsiran ini semasa beliau berada di Mesir dan menyimpulkannya pada tahun 1966, pada usia 73 tahun. Edisi pertama kitab ini dicetak di Matba al-Anwar, sebuah syarikat percetakan milik sahabatnya semasa beliau berada di Mesir, pada bulan Syaban 1383 H, bersamaan dengan bulan Januari 1964 M, seperti yang tertera di hadapan muka surat kitab tafsir.

### *Tafsir Surah Yasin Bahasa Melayu*

Buku ini adalah terjemahan daripada kitab asal yang ditulis dalam bahasa Arab. Penulis asal kitab ini ialah Muhammad bin Ali bin Muhamad al-Syawkani. Dalam mukaddimah kitab ini, al-Marbawi mengakui bahawa beliau menterjemah kitab asal daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. Kaedah penulisan kitab ini sama dengan cara penulisan kitab-kitab lama seperti Tafsir al-Jalalayn. Buku ini mengandungi perbincangan tentang tafsiran keseluruhan ayat dalam surah Yasin dalam 83 muka surat sahaja. Buku ini dicetak di Mesir pada tahun 1935 iaitu pada zaman beliau masih menuntut di sana.<sup>58</sup>

## Hadis

### Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari dan Muslim

Dalam buku ini dihuraikan hadis-hadis terpilih daripada karya Sahih Bukhari dan Muslim. Hasilnya, nama buku yang menjadi sumber hadith-hadith menjadi inspirasi kepada tajuk karya ini. Buku ini diterbitkan dengan tujuan untuk memupuk budaya ilmu, membasmi taklid buta yang menjadi ciri masyarakat zaman itu, memperkenalkan teks asas Islam kepada penutur bukan Arab, dan tidak menggalakkan orang ramai daripada mengikuti hadis yang salah. Kedua-dua jilid kitab ini telah dikhatamkan pada awal bulan Rabi'ul-Thani pada tahun 1358 H. Syarikat percetakan milik al-Marbawi juga menghasilkan kitab ini.

### Bulugh al-Maram serta Terjemahan Melayu

Kitab asal Ibn Hajar al-Asqalani mengandungi 1370 hadis yang diterjemahkan dan dijelaskan sepenuhnya dalam kitab ini. Maklumat tambahan disediakan dalam bentuk nota kaki yang menyatakan hadis-hadis tersebut. Nombor tersebut akan dimasukkan sekali selepas setiap hadis diterjemahkan. Proses penyusunan buku ini dimulakan dengan mukadimah yang memberikan gambaran tentang fiqh al-tenets dan penjelasan asas-asas fiqhnya. Biografi Imam al-Hafiz Ibn Hajar dan jadual kandungan

---

<sup>57</sup> NA Aziz(2010), *Biografi Sheikh Muhamad Idris Al – Marbawi*: Bab 2, h: 16-35.

<sup>58</sup> NA Aziz(2010), *Biografi Sheikh Muhamad Idris Al – Marbawi*: Bab 2, h: 16-35.

disediakan di akhir teks. Terjemahan buku ini telah selesai pada hari Ahad, 17 Syawal 1383 H, bersamaan dengan Mac 1963, dan ia dihasilkan di kemudahan percetakan yang dikendalikan oleh al-Marbawi dan Matba'ah al-Anwar al-Muhammadiyah.

### Bahr al-Madhi

Kitab ini adalah antara yang pertama wujud dalam masyarakat Melayu di kawasan ini dan merupakan koleksi hadis terbesar yang pernah ditulis dalam Jawi. Di Malaysia, khususnya sistem pondok, ia masih digunakan sebagai sumber pengajaran pengajian hadis. Buku ini memuatkan penjelasan dan ulasan tentang hadith-hadith yang menyentuh isu-isu berkaitan fiqh, aqidah, tasawwuf, dan muamalat. Hadis-hadis tersebut diambil dari Sahih al-Tirmidzi yang mempunyai 8390 masalah dan 46 bab dengan 2778 hadis.

### Fiqh Tasawwuf

#### Punca Agama dan Pati Hukum Ibadat

Kitab ini ditulis bagi memperkenalkan perkara-perkara asas bagi golongan yang baru mempelajari hukum Islam dan golongan yang sukar mengingat tentang ilmu fardhu ain serta hukum-hukum syara'. Ia mengandungi isu berkaitan tauhid, fiqh dan tasawwuf dan berbentuk 83 soal jawab iaitu 17 bahagian usuluddin, 60 bahagian fiqh dan 6 di bahagian tasawwuf. Kaedah soal jawab digunakan untuk memudahkan pembaca memahami isu tersebut melalui olahan ringkas dan padat. Kitab ini juga dicetak oleh percetakan al-Marbawi sendiri.<sup>59</sup>

#### Nizam al-Hayah: Peraturan Hidup Umat Islam

Karya ini membincangkan 36 tema semasa yang berkaitan dengan tamadun Islam, termasuk sejarah keganasan antara agama, penyebaran darah Muslim di seluruh dunia, hak milik Muslim, kehormatan diri Muslim, kemajuan dan halangan kehidupan Muslim, puncanya, dan lebih. Malam Jumaat, 24 Jun 1938 M, atau 26 Rabiul Thani 1357 H, menandakan selesainya buku ini.

#### Asas Islam

Buku ini membincangkan asas-asas wuduk dan solat serta disertakan ilustrasi untuk membantu pembaca memahami.

### Majalah

#### Majalah Pengasoh

Majlis Agama Islam Kelantan menerbitkan Majalah Pengasoh setiap dua bulan sekali. Semasa melanjutkan pelajaran di Kelantan, Al-Marbawi secara tidak langsung menyumbang hasil penulisan majalahnya. Gurunya, Tok Kenali, memberi impak kepada penglibatannya dalam majalah ini.<sup>60</sup>

#### Seruan al-Azhar

Jurnal Seruan al-Azhar telah dimulakan oleh persatuan pelajar Melayu di Universiti al-Azhar Mesir. Di bawah arahan Ustaz Janan Taib dan dengan bantuan daripada Ilias Yacob, al-Marbawi, Abdul Wahab Abdullah, dan Mahmud Yunus, ia diterbitkan pada Oktober 1925. Al-Marbawi membuat idea dan sumbangan kepada jurnal ini.

---

<sup>59</sup> NA Aziz(2010), *Biografi Sheikh Muhamad Idris Al – Marbawi*: Bab 2, h: 16-35.

<sup>60</sup> NA Aziz(2010), *Biografi Sheikh Muhamad Idris Al – Marbawi*: Bab 2, h: 16-35.

Bermula pada Mac 1928, apabila beliau dinamakan sebagai ketua pengarang dengan bantuan Ustaz Abu Bakar al-Ash'ari dan Abdul Kahar Muzahhir, beberapa tulisan beliau telah diterbitkan di dalamnya.<sup>61</sup>

Karya beliau yang pelbagai, yang merangkumi pelbagai bidang saintifik, membuktikan ketajaman intelektual beliau, keluasan perspektif ijtihad beliau, dan kedudukan beliau sebagai pihak berkuasa dalam kajian sains Islam. Penerbitan pertamanya, Kamus al-Marbawi, sumber utama dalam subjek itu, menunjukkan komitmen dan semangatnya untuk membantu kanak-kanak Malaysia mempelajari bahasa Arab. Kamus adalah khazanah walaupun berusia lebih kurang 80 tahun. Penyelidik, pelajar dan komuniti di Asia Tenggara terus menggunakan pengetahuan ini sehingga kini.

## **Anugerah**

Al-Marbawi secara signifikannya telah memajukan bidang kajian hadith. Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam ilmu hadith. Setelah meneliti dan mempelajari tentang Al-Marbawi, didapati tiada sesiapa pun pada masa itu khususnya di negara Tanah Melayu yang mampu menandingi kehebatannya dari segi ilmu dan pengalaman. Malah, beliau telah melangkah lebih jauh sehingga dapat membongkar dan mengorek segala isu dan segala kecacatan dalam bidang ilmu tertentu. Dia bukan sekadar penuntut ilmu yang sekadar mampu mempelajari sesuatu ilmu daripada guru kemudian menulis dan menghafalnya.

### *Ijazah Kehormat Doktor Persuratan*

Pada 5 Julai 1980, Universiti Kebangsaan Malaysia mengurniakan Ijazah Kehormat Kedoktoran Persuratan sebagai pengiktirafan terhadap hasil kerja dan pencapaian beliau dalam bidang sastera dan agama. Penghormatan itu diberikan oleh Tunku Ja'afar ibn al-Marhum Tunku Abdul Rahman, yang merupakan Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia ketika itu, sempena majlis konvokesyen kelapan itu.

### *Tokoh Ma'al Hijrah 1987*

Al-Marbawi juga dilantik sebagai Tokoh Ma'al Hijrah Kebangsaan, satu majlis yang julung kali diadakan pada tahun 1987 bersamaan 1 Muharram 1408H. Penghormatan itu disampaikan sebagai mengiktiraf kepakaran dan sumbangan beliau kepada pembangunan Islam, khususnya di Malaysia. Dalam majlis itu, beliau turut menerima hadiah wang tunai RM 40,000, pingat dan diploma daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad di hadapan lebih 3000 orang termasuk duta Negara Islam. Beliau menggunakan sebahagian daripada dana itu untuk membantu memulakan Kolej Islam al-Marbawi al-Islami, sebuah sekolah pengajian Islam, yang beliau lakukan sendiri pada Mac 1988.

### *Anugerah Pingat Ahli Mahkota Perak*

Selain itu, Sultan Perak turut memberi penghormatan kepada Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi atas kegigihan baginda sebagai anak jati Perak yang memberi sumbangan besar kepada perkembangan ilmu Islam. Sultan Azlan Syah memuliakan baginda dengan Pingat Mahkota Perak pada 19 April 1988.

### *Tokoh Anugerah Penulis Pentas Perak*

Walaupun setelah kembali ke rahmatullah, reputasi Al-Marbawi sebagai penulis sastera Islam tetap disanjung dan disanjung. Pada 28 Februari 2004, iaitu 8 Muharram 1425H, 15 tahun selepas kemangkatan baginda, Raja Nazrin Syah, putera mahkota Perak, telah menyampaikan Anugerah

---

<sup>61</sup> NA Aziz(2010), *Biografi Sheikh Muhamad Idris Al – Marbawi*: Bab 2, h: 16-35.

Penulis Pentas Perak. Anak beliau Ustazah Mariam binti Muhammad Idris al-Marbawi menerima penghormatan bagi pihak beliau.<sup>62</sup>

Sangat mustahil untuk mempertikaikan peranan Al-Marbawi dalam meningkatkan kekayaan kesusasteraan Islam Nusantara, khususnya dalam bidang tafsir. Biarpun beliau lebih terkenal dengan karyanya dalam subjek hadith, sumbangannya dalam bidang lain tetap dihargai walaupun tidak lagi disebut hari ini.

### **Meninggal Dunia**

Pada tanggal 13 Oktober 1989 bersamaan 13 Rabiul Awal 1409H, al-Marbawi telah menghembuskan nafas terakhir di Hospital Besar Ipoh pada jam 8.40 pagi. AlMarbawi telah meninggalkan seorang balu iaitu isteri ketiganya, seorang anak, tiga cucu dan lima cicit. Jenazah beliau dikebumikan di tanah perkuburan orang-orang Islam di Kampung Lubuk Merbau iaitu bersebelahan dengan pusara isteri pertamanya Hajjah Khadijah binti Mohd Edham.

Pemergiannya dalam usia 96 tahun itu masih dikenang hingga kini kerana sumbangannya yang begitu besar kepada masyarakat Islam khususnya golongan muda yang masih menggunakan hasil-hasil karya beliau sebagai rujukan dalam pelbagai lapangan pengajian Islam. Sepanjang hayatnya, al-Marbawi telah membuktikan betapa perlunya seseorang itu memberikan sumbangan kepada agama, bangsa dan Negara. Beliau telah mengabdikan dirinya sebagai seorang penulis ilmu Islam yang tidak pernah mengenal erti rehat.

### **Hasil Kajian**

Secara tuntasnya, hasil kajian ini dapat membantu untuk mengenal tokoh ilmuan nusantara dengan lebih mendalam seperti Sheikh Idris al-Marbawi. Selain itu, kajian ini juga memberi hasil yang maksima dengan mengetahui karya-karya yang dihasilkan oleh Idris a-Marbawi. Melalui pengetahuan tentang karya-karya al-Marbawi ini kita dapat pelajari dan mengambil iktibar daripada hasil karya dan sumbangan oleh tokoh Sheikh Idris al-Marbawi. Akhir sekali, melalui hasil kajian ini dapat mengasah kemahiran penyelidikan tokoh ilmuan di nusantara.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan kajian dan pembacaan yang dibuat, terbukti bahawa al-Marbawi merupakan seorang tokoh ilmuan yang bersemangat tinggi dalam mencari ilmu dan menyumbangkan segala pengetahuan yang beliau perolehi semasa rehlah ilmiah yang dilalui sepanjang hayatnya. Sumbangan beliau dapat dilihat apabila beliau menjadi guru agama ketika berada di Malaysia dan meneruskan penyampaian ilmu dalam bidang penulisan pula semasa berada di Mesir. Sekalipun kebanyakan hayatnya berada di Mesir berbanding di Malaysia, namun ketokohan beliau menjadi sebutan masyarakat tempatan melalui hasil-hasil karya yang menjadi rujukan utama khususnya dalam pengajian bahasa Arab. Semoga semangat perjuangan beliau dalam menimba dan menyampaikan ilmu menjadi contoh dan ikutan generasi akan datang.

### **Rujukan**

F., & Shah, A. (n.d.). *SYAIKH MOHAMED IDRIS AL-MARBAWI: Kontribusinya dalam Fiqh al-Hadîs*. <https://media.neliti.com/media/publications/155095-ID-syaikh-mohamed-idris-al-marbawi-kontribu.pdf>

---

<sup>62</sup> NA Aziz(2010), *Biografi Sheikh Muhamad Idris Al – Marbawi*: Bab 2, h: 16-35.

- Ab Razak, M. S., & Shamsudin, R. S. (2021). Ketokohan Al-Marbawi: Analisis Perkembangan Pengajian Ilmu Hadis. *Abqari Journal*, 25(1), 170–188. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.388>
- al, 2019 H. et. (1970, January 1). *Metodologi Pentafsiran sheikh Muhammad Idris al-Marbawi Dalam Kitab tafsir quran marbawi*. Mendeley. Retrieved November 23, 2022, from <https://www.mendeley.com/catalogue/eda60f46-51cf-393a-840c-569899fbelab/#abstract-title>
- Bab 2 Biografi Sheikh Muhammad Idris Al-Marbawi 2.1 pengenalan. (n.d.). Retrieved November 15, 2022, from [http://studentsrepo.um.edu.my/5181/2/BAB\\_2.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5181/2/BAB_2.pdf)
- Hoque, M., Rab, A., Sahid, M., Mohamed, Y., & Hoque, M. (1970, January 1). *يف حمطات حياة احمادث املاليزي الشايخ حممد يس ادر ،بوي املر واثره العلميه (phases in the life of the Malaysian scholar sheikh Muhammad Idris al-Marbawi, and his contribution of knowledge)*.
- Mendeley. Retrieved November 20, 2022, from [https://www.mendeley.com/catalogue/f3e379eb-de36-39c7-869a-f89bc590deb5/?utm\\_source=desktop&utm\\_medium=1.19.8&utm\\_campaign=open\\_catalog&userDocumentId=%7B9d449969-1805-30e0-a16e-d531e518bc1f%7D](https://www.mendeley.com/catalogue/f3e379eb-de36-39c7-869a-f89bc590deb5/?utm_source=desktop&utm_medium=1.19.8&utm_campaign=open_catalog&userDocumentId=%7B9d449969-1805-30e0-a16e-d531e518bc1f%7D)
- Muhd, N., Nordin, Zulkifli, M., Ghani, A., Nadirah, F., Noor, M., & Budin, A. (2018). SUMBANGAN SYEIKH MOHAMED IDRIS ALMARBAWI DALAM DAKWAH ISLAMIYYAH DI MALAYSIA. In *Jurnal Maw"izah Maw"izah"s Journal Jilid* (pp. 15–26). <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/download/223/193>
- Najiyah, S. (n.d.). SUMBANGAN SYEIKH IDRIS AL MARBAWI DALAM MEMARTABATKAN AL QURAN DAN AL SUNNAH. *Www.academia.edu*. Retrieved December 19, 2022, from [https://www.academia.edu/32438494/SUMBANGAN\\_SYEIKH\\_IDRIS\\_AL\\_MARBAWI\\_DALAM\\_MEMARTABATKAN\\_AL\\_QURAN\\_DAN\\_AL\\_SUNNAH](https://www.academia.edu/32438494/SUMBANGAN_SYEIKH_IDRIS_AL_MARBAWI_DALAM_MEMARTABATKAN_AL_QURAN_DAN_AL_SUNNAH)
- Rizani, H. (2014). Kamus Idris Al-Marbawi Dalam Tinjauan Leksikologi (Analisis Metode Dan Isi). *Alfaz (Arabic Literatures for Academic Zealots)*, 2(2), 223–237. <https://jurnal.uinbanten.ac.id/index.php/alfaz/article/view/616/536>
- Shah, F. A. (2009). Faktor kejayaan dan kecemerlangan orang melayu menurut Mohamed Idris al-marbawi: malay success and excellence factors as perceived by mohamed /oris al-marbaw. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 20(1), 26–50. <http://mojem.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9666>
- Shah, F. bin A. (1970, January 1). *Biografi ulama Malaysia: Mohamed Idris Al-Marbawi: Penulis Karya Agung Bahr-al-Madhi / Faisal Ahmad Shah*. catalog ' Details for: Biografi ulama Malaysia: Retrieved November 19, 2022, from <http://khalib.usim.edu.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=36194>
- Syeikh, S., Idris Al-Marbawi, M., Penentuan, D., Perawi, I., Tumpuan, Kitab, K., & Al-Madhi, B. (n.d.). [http://lms.kuis.edu.my/jurnal/wp-content/uploads/2013/11/HADIS\\_JURNAL\\_BIL\\_1\\_1.pdf](http://lms.kuis.edu.my/jurnal/wp-content/uploads/2013/11/HADIS_JURNAL_BIL_1_1.pdf)
- Husain, H. N. M. (2022, June 1). *Syeikh Idris Al-Marbawi permata Kuala Kangsar*. Utusan Malaysia. Retrieved December 25, 2022, from <https://www.utusan.com.my/premium/2022/06/syeikh-idris-al-marbawi-permata-kuala-kangsar/>
- Marbawi Mendahului Zaman | Harian metro*. (2021, November 22). Retrieved December 25, 2022, from <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/11/780038/marbawi-mendahului-zaman>
- Khazanah Keilmuan Alam Melayu | Berita Harian*. (2015, September 30). Retrieved December 25, 2022, from <https://www.bharian.com.my/>
- Penulisan Ilmiah Sheikh Idris al marbawi.docx – kegigihan sheikh Idris al-Marbawi Dalam Menuntut Ilmu: Damia Basyirah binti Mohd Asri Kegigihan Sheikh: Course hero. Penulisan Ilmiah Sheikh Idris Al Marbawi.Docx – Kegigihan Sheikh Idris Al-Marbawi Dalam Menuntut Ilmu | Damia Basyirah Binti Mohd Asri Kegigihan Sheikh | Course Hero. (n.d.). Retrieved December 25, 2022, from <https://www.coursehero.com/file/72856346/PENULISAN-ILMIAH-SHEIKH-IDRIS-AL-MARBAWIdocx/>